

Pendidikan holistik kekuatan CIC

Firma alu-alukan francais dengan modal RM250,000 setiap cawangan



Oleh Mohd Zaky Zainuddin

zaky@bharian.com.my

PENDIDIKAN awal amat penting dalam membentuk keperibadian, keterampilan, hubungan sosial dan tahap pertumbuhan minda kanak-kanak.

Pemikiran kanak-kanak perlu diasah dari kecil lagi dengan elemen pendidikan holistik dan bukannya sekadar tangkap muat kerana ia memberi kesan kepada perkembangan mereka dalam proses membesar.

Ibu bapa perlu sedar bahawa tempoh usia kanak-kanak antara setahun hingga tujuh tujuh adalah fasa terpenting dan kritikal untuk diberikan tumpuan.

Sebagai orang Islam, ilmu pendidikan lain juga perlu disertakan dengan elemen keislaman dan tauhid supaya anak yang dilahir ibarat kain putih mendapat keseimbangan dari segi keduduaan serta kerohanian sejak kecil lagi.

Menyedari perkara itu, Qutren Nada Ahmad, 40 bertekad menubuhkan pusat pendidikan awal kanak-kanak yang sejajar dengan tuntutan dunia dan akhirat.

Melihat kepada keperluan anaknya sendiri, beliau rasakan perlu ada sebuah pusat pendidikan yang holistik untuk memberi didikan jasmani dan rohani.

Ia memberikan ilham dan tekad kepadanya untuk mengusahakan pusat perkembangan awal bersepadu kanak-kanak yang dikenali sebagai Children Islamic Centre (CIC) pada 1997.

CIC diasaskannya untuk memberikan perkhidmatan pendidikan awal untuk kanak-kanak seawal usia tiga hingga lima tahun melalui pelbagai program pembelajaran dengan kokurikulum setaraf dengan negara maju serta aktiviti sampingan seperti kelas renang, kelas drama dan kelas muzik.

Pada peringkat permulaan, pemegang Ijazah Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu mencuba nasib dengan membuka prasekolah pertama di Puchong Utama.

“Pada masa itu, saya masih menuntut pada peringkat Sarjana di Universiti Putra Malaysia, namun komitmen untuk CIC tetap kukuh bagi memastikan perniagaan yang baru dimulakan ini terus maju.”

“Seramai 30 pelajar menjadi penuntut CIC sekali gus menunjukkan sistem pembelajaran peringkat awal dengan mengetengahkan keperluan akademik dan Islamik amat diperlukan,” katanya.

Pusat pertama itu adalah untuk memenuhi keperluan pendidikan awal anaknya dan penduduk sekitar dengan konsep pendidikan Islam selain memberikan penekanan kepada penguasaan bahasa Inggeris.

"Kanak-kanak perlu didedahkan kepada pendidikan berteraskan Islam dan bahasa Inggeris yang mana kedua-duanya adalah perkara penting pada dunia masa kini," katanya.

Beliau berkata, pada masa itu, tidak banyak pusat perkembangan awal kanak-kanak yang menyediakan modul pendidikan bersepadu yang holistik.

Katanya, pada peringkat awal pembuahan CIC bukanlah untuk dikomersialkan, namun apabila mendapat sambutan luar jangkaan, timbul niat dan hasrat untuk memperkembangkan pusat pendidikan itu supaya kanak-kanak lain mendapat manfaatnya.

"Pada tahun pertama, CIC memiliki 30 pelajar, sekali gus membuatkan saya semakin serius untuk mengembangkan pusat ini di kawasan lain.

"Namun, langkah pengembangan ini berlaku selepas lima tahun kerana saya perlu mengkaji pengisianya terlebih dulu supaya kehadiran CIC dalam industri ini bukanlah sekadar berpaksikan keuntungan semata-mata," katanya.

Anak kelahiran Alor Setar, Kedah ini membuka cawangan kedua CIC di Putrajaya selepas melengkapkan keperluan di Puchong dan mendalami modul pelajaran yang bersesuaian dengan akademik dan imej Islam.

"Cawangan kedua CIC adalah yang

pertama di Putrajaya. Ramai yang bertanya mengapa saya mengambil masa agak lama untuk kembangkan perniagaan. Jawapannya mudah. Saya mahu perkhidmatan yang CIC sediakan kepada pelajar adalah berkualiti," tegasnya.

Bermula 1997 hingga 2011, CIC terus berkembang pesat, sekali gus menyaksikan pusat pendidikan awal kanak-kanak itu memiliki 40 cawangan di seluruh negara dengan 4,000 pelajar.

Daripada 40 cawangan itu, hanya enam daripadanya diusahakan secara francais oleh francaisi yang berkelayakan.

Qutren yang memegang jawatan Ketua Eksekutif CIC berkata, pemilihan ketat untuk francaisi yang bertujuan mengekalkan kualiti dan jenama CIC menyaksikan 34 cawangan diuruskannya sendiri dengan melantik pekerja berwibawa.

"Saya mahu francaisi yang betul-betul layak dan terbaik untuk menguruskan CIC kerana kualiti adalah perkara yang sangat saya tekankan. Ia adalah bagi menterjemahkan kelainan berbanding pusat pendidikan awal kanak-kanak yang wujud setakat ini," katanya.

Lebih membanggakan, CIC akan melebarkan perkhidmatannya ke luar negara dengan Jakarta, Indonesia dan Arab Saudi menjadi destinasi pilihan.

"Jika tiada aral, cawangan pertama di Jakarta dan Arab Saudi akan dibuka Julai ini," katanya.

Qutren berkata, beliau merancang untuk membuka 10 cawangan di Jakarta dan tiga cawangan di Arab Saudi dalam tempoh lima tahun.

"Berkat usaha menyediakan perkhidmatan berkualiti dan sokongan daripada Persatuan Francais Malaysia (MFA), CIC akan melangkah lebih jauh dengan

mewujudkan cawangan di luar negara," katanya.

CIC juga merancang membuka 10 lagi cawangan tahun depan, dengan lima daripadanya akan dibuka kepada francais.

Qutren berkata, pengembangan perniagaan itu akan membabitkan pelaburan kira-kira RM3 juta bagi pembinaan infrastruktur, bekalan bahan bantuan mengajar dan kos operasi.

"Pada masa ini kami sudah mempunyai 40 cawangan di seluruh negara termasuk 32 di Lembah Klang, selain Negeri Sembilan, Melaka, Johor Bahru dan Kelantan," katanya.

Beliau berkata, 10 cawangan baru itu akan dibuka di Melaka, Ipoh; Perak, Kerteh; Terengganu, Miri dan Kuching di Sarawak, serta di Kota Kinabalu; Sabah.

"Ramai ibu bapa mula menyedari kepentingan pendidikan awal kanak-kanak yang mana pusat asuhan biasa tidak dapat melakukannya secara profesional. CIC mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam bidang ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya merancang membuka 10 cawangan setahun dengan sasaran menambah 80 cawangan kepada 120 cawangan di seluruh negara menjelang 2020.

Mengenai cadangan membuka cawangan CIC secara francais, Qutren berkata, syarikat itu mengalu-alukan pihak yang berminat untuk menjadi francais dengan modal diperlukan ialah di antara RM250,000 hingga RM350,000 bagi setiap cawangan.

Perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak di CIC boleh didapati bermula RM260 sebulan untuk tempoh separuh hari manakala RM550 sebulan untuk tempoh sehari bermula jam 8.30 pagi hingga 6.30 petang.

Berdasarkan sambutan, Qutren berkata, wujud permintaan untuk mewujudkan CIC di Sabah dan Sarawak, namun ia memerlukan perancangan teliti untuk menembusi pasaran Malaysia Timur itu.

Kejayaan yang terhasil itu sudah

tentunya tidak datang bergolek tanpa adanya cabaran dan rintangan seperti mana dilalui usahawan dalam bidang perniagaan lain.

Bagi Qutren, cabaran utama yang dihadapinya adalah yang berkait rapat dengan industri perkhidmatan yang mana memerlukan tenaga pengajar, warga kerja yang berkebolehan tinggi selain memiliki pengetahuan produk yang komprehensif.

Katanya, CIC tidak hanya mahukan staf yang berkebolehan berbahasa Inggeris, malah perlu memiliki personaliti Islamik bersesuaian dengan konsep yang diterapkan pusat pendidikan awal kanak-kanak itu.

"Adalah amat sukar untuk mendapat tenaga pengajar dan staf yang memiliki kedua-duanya bagi melahirkan pelajar yang terbaik selaras dengan tema CIC, iaitu 'Where Leaders Are Born'.

"Selepas memiliki staf yang berkebolehan ini, mereka akan diberikan latihan yang secukupnya untuk men-

FAKTA NOMBOR

40

cawangan CIC

di seluruh negara

10

cawangan

dirancang di Jakarta

3

cawangan

dirancang di Arab Saudi

PROFIL

Qutren Nada Ahmad

- Umur: 40 tahun
- Asal: Alor Setar, Kedah
- Jawatan : Pengasas dan Ketua Eksekutif, Children Islamic Centre (CIC)

gendalikan kelas berdasarkan struktur yang ditetapkan oleh kami," katanya.

Katanya, warga kerja yang terbaik mencerminkan kualiti yang amat ditekankan oleh CIC, memandangkan pusat pendidikan awal kanak-kanak adalah perkhidmatan yang memiliki persaingan yang tinggi walaupun pasarnya amat luas.

Menyentuh kelebihan sukatan pembelajaran CIC, Qutren berkata, pusat pendidikan awal itu turut menyediakan pusat sehenti kanak-kanak berusia tiga hingga 12 tahun berserta program lain yang lebih holistik semata-mata bagi melahirkan bakal pemimpin masa depan.

"CIC akan membangunkan kepandai-an, kreativiti dan keterampilan pelajar sejak dari kecil supaya apabila dewasa kelak, mereka mempunyai kelebihan dan potensi berbanding dengan rakan sebaya lain," katanya.

Antara modul pembelajaran yang disediakan CIC adalah Playschool, Preschool, KAFA, KAFA Transit, Kelas Drama, Kelas Berenang Muzik, Password English, Bacaan, Mengaji, Matematik, Lawatan Sambil Belajar dan Pembacaan untuk membaiki kebolehan kendiri.

Pada masa sama, CIC turut memperkenalkan modul pembelajaran dike-nali New-Math yang turut digunakan di Taiwan bagi memberikan kelainan kepada pelajar mereka berbanding pusat pendidikan lain.

Bagi memastikan kualiti terus dijaga, Qutren berkata, setiap pusat dilengkapi dengan pengawasan kamera litar tertutup (CCTV) bagi membolehkan ibu pejabat CIC yang berpangkalan di Putrajaya membuat pemantauan.



CIC diasaskan untuk memberikan perkhidmatan pendidikan awal untuk kanak-kanak seawal usia tiga hingga lima tahun.



CIC akan membangunkan kepandaian, kreativiti dan keterampilan pelajar sejak dari kecil supaya apabila dewasa kelak, mereka mempunyai kelebihan dan potensi berbanding dengan rakan sebaya lain **99**

Qutren Nada Ahmad
Pengasas dan Ketua Eksekutif CIC



15th Convocation Day

2011



CIC membangunkan kepandaian, kreativiti dan keterampilan pelajar sejak dari kecil.